



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN TARAF KEWARGANEGARAAN
PERKARA 15(1) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

1) ISI DAN LENGKAPKAN BORANG A

- a) 3 keping gambar terbaru berukuran pasport berlatar belakang warna biru pemohon (isteri)
- b) 1 keping gambar terbaru berukuran pasport berlatar belakang warna biru (suami)
- c) Bayaran pendaftaran permohonan RM10.00

2) DOKUMEN PEMOHON (ASAL & SALINAN)

- a) Kad Pengenalan Merah (MyPR) (**mandatori**)
- b) Sijil Kelahiran atau Cabutan Sijil Kelahiran terbaru /Sijil Anak Angkat (jika ada)
- c) Pasport atau lain-lain dokumen perjalanan (**setiap muka surat dokumen**)
 - i) Pasport /dokumen perjalanan pertama kali tiba di Malaysia
 - ii) Pasport /dokumen perjalanan Permit Masuk dikeluarkan
 - iii) Pasport /dokumen perjalanan 5 tahun sebelum permohonan
 - iv) Pasport /dokumen perjalanan semasa (**mandatori**)
 - v) Surat pengesahan daripada Kedutaan negara asal bahawa pemohon tidak pernah memiliki/dikeluarkan dokumen perjalanan
- d) Dokumen Perkahwinan (**mandatori**)
(Didaftar mengikut Undang-Undang Malaysia)
- e) Permit Masuk atau Cabutan Butir-Butir dari Daftar Kad Pengenalan (**mandatori**)

3) DOKUMEN SUAMI (ASAL & SALINAN)

- a) Kad Pengenalan (**mandatori**)
- b) Sijil Kelahiran atau Cabutan Sijil Kelahiran terbaru/Cabutan Butir-Butir dari Daftar Kad Pengenalan (**mandatori**)
- c) Sijil Warganegara (**mandatori**)
- d) Pasport atau lain-lain dokumen perjalanan (jika ada)

4) DOKUMEN ANAK-ANAK (SALINAN)

- a) Kad Pengenalan (jika ada)
- b) Sijil Kelahiran atau Cabutan Sijil Kelahiran terbaru /Sijil Anak Angkat (jika ada)

5) DOKUMEN IBU BAPA & ADIK BERADIK (SALINAN)

- a) Kad Pengenalan (jika ada)
- b) Sijil Kelahiran (jika ada)

PERINGATAN:

1. Pemohon dan subjek perlu hadir di hadapan Pegawai Konsul atau Pendaftar Warganegara semasa pendaftaran permohonan dan berpakaian kemas.
2. Semua salinan hendaklah dalam kertas saiz A4.
3. Jika kelahiran / perkahwinan / persekolahan di luar negara, sediakan terjemahan dokumen kelahiran / perkahwinan / persekolahan dalam Bahasa Melayu atau Inggeris oleh Mahkamah / Konsul / Penterjemah Awam.
4. Salinan dokumen kelahiran / perkahwinan / persekolahan di luar negara perlu disahkan oleh pihak Perwakilan Malaysia di negara kelahiran kanak-kanak atau di Kedutaan negara kelahiran kanak-kanak di Malaysia dan disahkan semula oleh Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) di Putrajaya, Kuching atau Kota Kinabalu.
5. **Mandatori** = Perlu dikemukakan jika orang yang hendak didaftarkan (subjek)/ibu/bapa/adik beradik pernah memiliki dokumen berkenaan.
6. JPN dan KDN berhak meminta apa-apa dokumen tambahan jika perlu.
7. Tuan/Puan diingatkan bahawa sekiranya kenyataan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan itu palsu, tuan/puan boleh didakwa di bawah Seksyen 16(1)(a) Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara dua tahun atau denda sebanyak RM1,000.00 atau kedua-duanya.